

Siswi Usim johan hafazan al-Quran

SISWI Tamhidi Sains dan Teknologi (Pra-Universiti/Matrikulasi) Usim, Putri Nur Nadia Bakri, 18 mengharumkan nama Malaysia dan universiti apabila muncul johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran beserta pemahamannya pada peringkat Negara Anggota MABIMS 1436H.

Pertandingan berlangsung di Brunei, bermula 30 Jun - 3 Julai di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas. Beliau yang bertanding kategori Menghafaz Juz 10 Al-Quran serta Pemahaman Juz 7 berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai BND4000, piala dan sijil penghargaan.

Pada tahun ini, seramai lapan peserta terdiri empat lelaki dan empat perempuan dari negara-negara MABIMS iaitu Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura menyertai pertandingan berkenaan. Ia mempertandingkan dua kategori iaitu Menghafaz Juz 10 Al-Quran serta Pemahaman Juz 7 dan Menghafaz Juz 30 serta Pemahaman Juz 20 yang turut diungguli wakil Malaysia, Fariyah Zulkifli, 20, pelajar Darul Quran Jakim.



Putri Nadia (dua, kanan) dan Fariyah (tiga, kanan) bersama hadiah kemenangan masing-masing.

"Ini merupakan kali pertama saya mewakili Malaysia untuk pertandingan hafazan antarabangsa dan berasa gembira dapat mengharumkan nama negara. Terima kasih kepada kedua ibu-bapa yang banyak membantu semasa latihan hafazan sebelum ke pertandingan ini," kata Putri Nur Nadia yang pernah menjuarai pertandingan hafazan di Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36 dalam kategori 1-20 juzuk pada Mac lalu.

Musabaqah dianjurkan bertujuan untuk membantu visi dan misi MABIMS di samping mewujudkan kerjasama di kalangan negara anggota MABIMS dalam bidang pengajian dan penyebaran Al-Quran.